

Received	26 Feb 2026	Revised	23 Mar 2026
Accepted	30 Apr. 2026	Published	30 May 2026
Page	61-73		
DOI	https://doi.org/10.24035/jopi.01.2026.05		

Faktor-Faktor Mempengaruhi Penerimaan Tahanan Remaja Terhadap Program Keagamaan di Penjara

Factors Influencing Juvenile Detainees' Acceptance of Religious Programs in Prison

Mohammad Ikhwan Ismail¹ & Zaenuddin Hudi Prasajo²

Abstract

The implementation of religious programs aims to strengthen character development and religious appreciation among juvenile detainees. However, their effectiveness often depends on the extent to which the juveniles accept and actively engage in these programs. Rejection or lack of participation among detainees is attributed to various external factors, including weaknesses in program planning, limitations in teaching personnel, institutional bureaucracy, and peer social influence. Accordingly, this study identifies the factors that influence juvenile detainees' acceptance of religious programs in juvenile detention institutions. This study employs a qualitative approach using semi-structured interviews with ten juvenile detainees to explore their experiences, perceptions, and the factors influencing their involvement in religious programs. The findings indicate that three main factors affect acceptance: peer influence, the role of religious teachers, and the learning environment. Peer influence serves as encouragement for juveniles to emulate positive behaviors, while religious teachers act as moral role models who provide guidance through relationships grounded in compassion and respect. Additionally, a calm and open prayer hall environment equipped with adequate learning facilities enhances detainees' focus and motivation to participate in religious programs. The study emphasizes that the success of religious programs in detention centers does not solely depend on program structure but also on supportive social interactions and environmental conditions that facilitate acceptance and transformation among juvenile detainees.

Keywords: Acceptance, influence, juvenile detainee rehabilitation religious programs.

¹Mohammad Ikhwan Ismail, Research Fellow, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Email: benikhwan@ukm.edu.my. [ORCID ID: 0000-0002-4317-9659].

² Zaenuddin Hudi Prasajo, Ph. D., Professor and Director of the Graduate School, University of IAIN, Pontianak, INDONESIA. Email: zaestain@yahoo.com [ORCID ID: 0000-0002-2663-076X].

Pendahuluan

Pelaksanaan program keagamaan di institusi pemulihan bertujuan membentuk sahsiah dan penghayatan agama dalam kalangan tahanan remaja (Noor Hafizah et al., 2019). Namun pelaksanaan program pemulihan ini berhadapan dengan cabaran jika tahanan remaja menolak untuk menyertainya. Ini kerana kejayaan program pemulihan ini banyak bergantung kepada penerimaan tahanan remaja untuk menyertai program-program pemulihan ini (Mariam et al., 2025). Beberapa kajian mendapati terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada penolakan tahanan remaja untuk menyertai program pemulihan di institusi tahanan. Antaranya adalah kelemahan dalam program pemulihan yang dilaksanakan seperti program akademik dan vokasional. Kajian mendapati program pemulihan vokasional untuk tahanan remaja dilaksanakan tanpa perancangan yang teratur (al-Qasab & Saif, 2024) manakala program akademik berhadapan dengan kekangan sumber dan sokongan daripada pentadbiran (Hussein, 2024). Ini menyebabkan berlakunya kerenah birokrasi yang mengganggu pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (Litz et al., 2020). Guru-guru juga dinyatakan berhadapan dengan keletihan emosi kerana perlu menyeimbangkan di antara tugas sebagai pengajar dan mendisiplinkan tahanan remaja (Flores & Kati, 2020). Pengenalan sesuatu silibus atau modul baru tanpa mengambil kira kefahaman guru turut menyebabkan kepincangan dalam sistem pendidikan bagi tahanan remaja (Tanner et al., 2025).

Selain itu pengaruh rakan sebaya turut memainkan peranan dalam penerimaan tahanan remaja terhadap program pemulihan yang dilaksanakan (Devilly et al., 2005). Namun begitu beberapa isu di antara tahanan remaja dilihat menjadi penghalang kepada usaha ini. Antaranya adalah kajian mendapati tahanan remaja berhadapan dengan kekerasan fizikal, dipulaukan, dihina dan difitnah oleh tahanan remaja yang lain (Fite et al., 2023). Tahanan remaja juga terpengaruh untuk menyertai kumpulan-kumpulan tertentu dalam tahanan yang menyebabkan mereka terjebak dengan penyalahgunaan dadah (Quinn et al., 2023). Selain itu tahanan remaja turut berhadapan dengan kesukaran untuk bersosial dengan baik hingga memberikan kesan kepada kesihatan mental mereka (Sanders et al., 2017). Hal ini diburukkan lagi dengan kekurangan kemudahan untuk menangani isu kesihatan mental (Willingham, 2024) hingga menyebabkan mereka sukar untuk menyertai program pemulihan (Mallet & Boitel, 2016).

Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut Merriam kajian kualitatif sesuai digunakan untuk kajian yang bertujuan untuk mengetahui, memahami dan meneroka tentang tingkah laku manusia (Merriam, 2009). Kajian kualitatif juga menurut Othman tidak terhad kepada seorang individu malahan mengkaji masyarakat dan budaya. Fokusnya untuk meneroka perlakuan, tanggapan, pengalaman dan perasaan serta apa yang mereka alami (Othman, 2017). Creswell (2007), juga bersetuju bahawa kajian kualitatif sesuai dalam bentuk kajian penerokaan, pemahaman dan memerlukan kepada huraian yang terperinci.

Temubual merupakan kaedah pengumpulan data yang kerap digunakan dalam kajian kualitatif seperti yang dinyatakan oleh beberapa pengkaji seperti Yin (2016), Merriam (2009) dan Edwards & Hollands (2013). Temubual dilakukan secara bersemuka kepada seseorang atau sekumpulan kecil individu (Darusalam & Husin, 2018) dalam bentuk perbincangan (Mishler, 1986), yang mempunyai tujuan (Burgess, 2006) serta untuk memperolehi maklumat Green & Thorogood (2004). Melalui kaedah temu bual Patton (2015) menjelaskan pengkaji berupaya memperolehi maklumat yang sukar diperolehi melalui pemerhatian atau memahami apa yang kita perhatikan. Ini kerana tidak semua perkara sesuai dengan kaedah pemerhatian, contohnya, pengkaji tidak boleh memerhatikan perasaan, pemikiran dan niat seseorang. Pengkaji juga tidak boleh memerhatikan sesuatu yang telah berlalu atau sesuatu yang disembunyikan oleh informan ketika pengkaji berada bersama. Maka kaedah temu bual digunakan bagi membolehkan pengkaji memahami perspektif individu dan apa yang sedang bermain di dalam mindanya.

Sehubungan itu dalam kajian ini, keseluruhan informan yang dipilih untuk ditemu bual adalah berjumlah 10 orang yang terdiri daripada tahanan remaja di Pusat Koreksional Puncak Alam, Selangor. Walau bagaimanapun butiran lengkap berkaitan dengan semua tahanan tidak didedahkan dalam kajian ini bagi menjaga kerahsiaan tahanan.

Jadual 1.0: Informan Kajian

Pelatih	Umur	Tempoh Tahanan	Kes
1	19	4 tahun 4 bulan	302
2	20	1 tahun	379(a)
3	19	1 tahun	379(a)
4	21	1 tahun	392
5	21	1 tahun 3 bulan	15(4)
6	19	2 tahun	14(a)
7	19	2 tahun	457
8	20	2 tahun	392
9	20	1 tahun	15B
10	19	1 tahun	376, 377c

Konsep Penerimaan

Penerimaan menurut Kamus Dewan (2005) bermaksud perihal atau perbuatan menerima, penyambutan dan penghargaan. Beberapa pengkaji memberikan makna kepada penerimaan seperti Grayson (1950) yang menyatakan, penerimaan merupakan satu perbuatan bersifat aktif dan perseorangan dalam menerima atau bersetuju terhadap sesuatu perkara. Mohammad Azizol dan Mohamad Saifudin (2019), pula menjelaskan penerimaan sebagai kebolehan untuk mematuhi atau menuruti peraturan yang telah ditetapkan. Siti Jamiaah et al. (2020) pula menjelaskan penerimaan adalah tindak balas individu terhadap program atau aktiviti yang dilaksanakan kepada seseorang.

Penerimaan juga dapat dijelaskan melalui beberapa kajian yang berkaitan dengan penerimaan. Dalam bidang kesihatan contohnya, penerimaan merupakan suatu proses pesakit untuk menerima keadaan kesihatan dirinya yang memerlukan pesakit untuk menukar cara berfikir dan gaya hidup untuk menerima hakikat kesihatannya (Zeng et al., 2020). Dalam konteks penjara pula penerimaan difahami sebagai tindakan menerima keadaan tahanan yang akan menyebabkan timbulnya perkara yang positif kepada diri tahanan. Dari segi psikologi, penerimaan tahanan terhadap apa yang berlaku kepada dirinya akan memberikan impak positif terhadap kesihatan mentalnya dan memperkukuh ketahanan diri (Huang et al., 2020). Penerimaan pelbagai pihak terhadap diri tahanan melalui sokongan keluarga dan pihak agama ternyata membantu tahanan untuk berhadapan dengan cabaran kehidupan di penjara (Vanhooren et al., 2018).

Dalam agama penerimaan berkait rapat dengan kepercayaan kerana adalah penting penganut agama untuk mempercayai ajaran yang dibawa oleh agama (Audi, 2008). Dalam Islam sendiri makna 'Islam' tersebut menyerah diri kepada Allah S.W.T. serta percaya apa yang terkandung dalam ajaran Islam tersebut (Aydin, 2011). Daripada kepercayaan ini akan lahir tindakan-tindakan yang akan membawa kepada ketenangan dan kesejahteraan kepada diri serta masyarakat (Abdul Ghafar, 2012). Selain itu konsep reda dalam Islam juga dikaitkan dengan penerimaan seorang Muslim dalam apa yang telah ditakdirkan oleh Allah S.W.T. terutamanya dalam perkara yang menyedihkan (Rassouli et al., 2015). Walaupun perlu menerima takdir namun ini bukan bermakna berserah tanpa berusaha kepada Allah S.W.T. tetapi yakin dengan positif atas ketentuan-Nya. Keyakinan ini mendorong Muslim untuk menghadapi kehidupan yang penuh cabaran dan ketidakpastian dengan tenang serta mempunyai tujuan (Hamdy, 2009). Sehubungan itu penerimaan dapat difahami sebagai proses, usaha dan tindakan individu secara luaran atau dalaman dalam melakukan sesuatu yang diyakini serta dipercayai mampu menghasilkan kebaikan kepada dirinya serta orang lain.

Dapatan Kajian

Berdasarkan temubual didapati terdapat tiga faktor yang mempengaruhi penerimaan tahanan remaja terhadap program keagamaan di penjara iaitu pengaruh rakan, guru agama dan tempat pengajian.

Pengaruh Rakan

Kajian mendapati penerimaan terhadap program keagamaan dalam kalangan tahanan remaja di PKPA dapat dilihat dalam konteks mencontohi tauladan yang baik. Pengaruh tauladan yang baik ini dapat dilihat dengan kenyataan informan lima yang menjelaskan bahawa melihat rakan-rakan lain menunaikan solat menjadi pengaruh untuk turut serta menunaikan ibadah solat. Perasaan "segan" yang timbul bukan sekadar rasa malu, tetapi merupakan mekanisme sosial yang mendorong individu untuk menyesuaikan tingkah laku agar selari dengan norma positif yang diamalkan oleh orang sekelilingnya. Apabila rakan sebaya memperlihatkan kelakuan yang baik

secara konsisten, ia menjadi model tingkah laku yang secara tidak langsung memberi tekanan sosial positif kepada individu lain untuk mencontohinya:

“Tu tengok orang solat, takkan dalam bilik kita tak solat kan, tengok orang solat. Segan lah, jadi segan lah. Dengan ada India lagi dalam bilik. India pun solat cara dia kan. Dengan ada India tanya kita. Ada lah sesetengah India yang tegur kita, “eh you tak sembahyang ke?” Kita jadi macam seganlah” (R5, Temubual 27 Januari 2022)

Selain itu, pemerhatian terhadap rakan-rakan yang mahir mengaji menimbulkan rasa cemburu dalam diri informan. Cemburu yang dimaksudkan bukan bersifat negatif tetapi merupakan dorongan sosial yang timbul apabila melihat orang lain memiliki kemahiran agama yang tidak dimilikinya. Perasaan ini mencetuskan motivasi untuk turut mempelajari kemahiran tersebut, sekaligus menunjukkan keberkesanan pendekatan pengaruh rakan yang baik di mana perbuatan baik yang ditunjukkan oleh rakan menjadi inspirasi untuk diteladani:

“Bila duduk dalam surau saya rasa timbul keinginan nak belajar pula agama tapi bila kat luar surau tak ada la minat sangat. Tak tahulah kenapa rasa macam tu mungkin tengok al-Quran bersusun tak ada orang pakai kan. Lepas tu tengok kawan-kawan mengaji pun saya pun ada rasa cemburu sebab saya tak boleh mengaji, saya cemburu dengan mereka.” (R10, Temubual 27 Januari 2022).

Pengaruh tauladan yang baik ini juga dinyatakan oleh tahanan remaja melalui kejayaan diri mereka dalam amalan agama menjadi pengaruh kepada rakan tahanan remaja yang lain. Walaupun pada awalnya informan mengakui lemah dan tidak fasih ketika membaca al-Quran. Namun selepas mengikuti program keagamaan kemahiran tersebut bertambah baik sehingga mampu membaca dengan lancar. Peningkatan ini bukan sahaja memberikan keyakinan diri malah menjadikan informan sebagai rujukan kepada rakan-rakan lain yang ingin belajar mengaji:

“Dulu saya masih gagap-gagap lagi bila mengaji tapi sekarang saya dah boleh mengaji dengan baik. Bila dalam ni banyak belajar tentang agama macam mengaji al-Quran dan Alhamdulillah sekarang ada yang datang cari saya nak suruh saya ajar mereka mengaji.”

Seterusnya melalui tauladan yang baik ini juga tahanan remaja menyatakan mereka mendapat bantuan daripada rakan-rakan yang mempunyai pengetahuan yang lebih baik. Menurut informan pembelajaran agama di pusat tahanan tidak hanya berlaku secara formal melalui pengajaran guru agama tetapi turut diperkukuh oleh bantuan daripada rakan yang mempunyai pengetahuan agama lebih baik. Informan menjelaskan bahawa dalam sesi pembelajaran solat, buku panduan disediakan sebagai rujukan namun sekiranya terdapat bahagian yang sukar difahami mereka akan bertanya kepada rakan berdekatan. Rakan yang mempunyai pengetahuan berkaitan dengan persoalan akan memberikan penjelasan atau tunjuk ajar secara langsung:

“Kalau dalam pengajian bab solat kami disediakan dengan buku panduan untuk menunaikan solat. Apabila ustaz mengajar di hadapan dan kalau ada

perkara yang kita tidak faham biasanya kita akan tanya dengan kawan di sebelah. Kalau kawan di sebelah tahu dia akan ajar kita tapi kalau dia pun tak tahu kita tanyalah ustaz” (R8, Temubual 26 Januari 2022).

Pengaruh rakan yang berilmu juga mendorong tahanan remaja mempelajari ilmu agama bukan hanya di surau atau bersama guru agama semata-mata. Menurut informan dirinya kini berada pada tahap pembelajaran Iqra’ 3 dan menerima tunjuk ajar daripada rakan sebilik yang pernah mengikuti kumpulan tabligh ketika berada di luar. Rakan tersebut mempunyai kemahiran mengaji yang baik serta suara bacaan yang merdu sekali gus menjadikannya sebagai tempat informan mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar bagi pengajian al-Quran. Situasi ini menggambarkan bentuk pengaruh rakan yang berilmu, di mana individu yang mempunyai pengetahuan agama dan kemahiran membaca al-Quran membantu membimbing rakan lain secara sukarela:

“Sekarang saya Iqra’ 3 Ustaz dan belajar dengan kawan dalam bilik. Saya belajar dengan saya sebab kawan dalam bilik saya tu ada ikut tabligh. Dulu kat luar dia ada ikut kumpulan tabligh ni. Dia yang ajar saya mengaji. Dia pandai mengaji dan suaranya sedap” (R10, Temubual 27 Januari 2022).

Pengaruh Guru Agama

Selain pengaruh rakan-rakan, akhlak guru agama turut dinyatakan sebagai contoh tauladan yang baik terhadap tahanan remaja. Ini dapat dilihat daripada kenyataan daripada informan yang menyatakan guru-guru agama yang berada di PKPA memperlihatkan sifat yang baik antaranya adalah sifat sabar. Tindakan guru-guru agama yang sentiasa bersabar, sanggup mengorbankan masa dan memberi perhatian kepada informan mencerminkan nilai contoh tauladan iaitu menjadi tauladan dalam akhlak, kesungguhan dan pengorbanan. Keperibadian mulia ini memberi kesan kepada informan kerana ia menimbulkan rasa hormat, terhutang budi dan keinsafan dalam diri informan:

“Ustaz di sini bagus-bagus orangnya. Sebab mereka bersabar jaga kita orang di sini. Sebab saya rasa diri saya banyak dosa sebab tu saya duduk sini, menyusahkan orang lain. Ustaz ada je kerja lain di luar dan kerja di luar lagi bagus tapi dia pilih untuk jaga kita orang. Selain itu mereka pun banyak luangkan masa dengan kami di sini.” (R4, Temubual 25 Januari 2022).

Guru agama juga dinyatakan menggunakan pendekatan menegur dengan cara yang berhemah dan penuh kesabaran ketika menguruskan tingkah laku tahanan remaja. Informan menyatakan bahawa teguran diberikan dalam bentuk peringatan ringkas dan berhemah tanpa ada marah atau menggunakan hukuman fizikal. Ini walaupun tahanan remaja memperlihatkan sikap sambil lewa seperti berbual semasa mengambil wuduk atau lewat masuk ke surau. Pendekatan ini mencerminkan akhlak mulia seorang pendidik yang mengutamakan komunikasi positif dan membimbing dengan cara yang berhikmah dan bukan dengan kekerasan:

“Dia ada lah tegur, tapi tak nampak macam dia marah. Contohnya kita buat-buat lambat bila nak masuk surau, ambil wudhu kita bersembang, nanti Ustaz akan cakap, “eh cepat sikit. Nak sembahyang dah” jadi kami pergi lah ambil air sembahyang dan lepas tu sembahyang. Macam dia tak ada lah nak marah-marah kita, pukul-pukul ke. Kalau dia cakap sekali tu kita dah tahu lah. Kita dah pergi buat.” (R9, Temubual 27 Januari 2022).

Selain itu interaksi guru dalam menangani masalah dalam kalangan tahanan remaja turut dinyatakan oleh tahanan remaja sebagai menghormati diri mereka. Informan menyatakan sikap guru agama yang berhemah dalam menegur kesalahan informan iaitu dengan cara menegur secara tertutup dan tidak menegur di hadapan orang lain. Tindakan ini mengelakkan rasa malu atau maruah informan tercalar sekali gus mempengaruhi sikap informan. Informan turut mengaitkan pengalaman positif ini dengan pengalaman negatif pada masa lalu di mana dirinya pernah dihukum secara kasar dan memalukan oleh bapanya di tempat awam. Perbandingan ini menunjukkan bahawa pendekatan guru agama yang berlembut, menjaga aib dan penuh pertimbangan mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni. Ini juga memperlihatkan akhlak guru yang positif boleh membantu mengubah tanggapan informan terhadap pengurusan masalah yang sebelum ini mungkin dipengaruhi oleh pengalaman disiplin yang keras:

“Semasa mengajar Ustaz tak ada nak marah-marah. Kalau kita ada buat salah pun dia panggil elok-elok. Kadang-kadang dia bawak pergi tepi dan dia tak tegur depan orang ramai. Nanti boleh memalukan kami. Dan saya okay cara macam tu sebab kat luar bapak saya tibai depan orang je. Kadang-kadang dekat mall pun dia main tibai je. Bapak saya dulu kuat pukul saya lah masa dia muda dulu. Umur 20 lebih 30 lebih dulu.” (R10, Temubual 27 Januari 2022).

Tempat Pengajian

Bagi lokasi pengajian, tahanan remaja menyatakan bahawa keadaan di surau adalah selesa dan menenangkan. Informan menyatakan bahawa surau mempunyai suasana yang tenang dengan udara pagi yang sejuk dan pemandangan yang menyenangkan. Keadaan ini menjadikan informan lebih mudah untuk menerima pengajaran. Reka bentuk surau yang terbuka tanpa dinding membolehkan aliran udara yang menyamankan suasana kelas pengajian. Ini ditambah lagi dengan kedudukannya di kawasan berbukit yang menyebabkan informan mendapat tiupan angin yang kuat seterusnya mewujudkan suasana yang nyaman walaupun tanpa bantuan kipas:

“Surau ni tempatnya okay, tenang lah rasa. Kena lah dengan suasana terutamanya kalau pagi anginnya sejuk dan boleh tengok pemandangan. Semua tu melapangkan lagi dada saya untuk terima semua pelajaran. Kipas pun ada tapi tak ada kipas pun angin masuk sebab surau tak ada dinding kan. Surau pula jenis terbuka dan kawasan sini berbukit, ditambah pula dengan angin kuat. Saya boleh kata tempatnya selesa.” (R6, Temubual 25 Januari 2022).

Informan turut menyatakan surau di PKPA sebagai lokasi pengajian yang kondusif kerana reka bentuknya yang terbuka dan membolehkan aliran angin dari luar untuk masuk. Selain itu faktor pemandangan persekitarannya yang dikelilingi dengan bukit-bukau dan hutan turut menyumbang kepada ketenangannya. Suasana ini digambarkan sebagai mendamaikan sekali gus memberi kesan positif terhadap fokus dan kesediaan untuk belajar. Informan turut menekankan bahawa keadaan tersebut membantu mengelakkan rasa mengantuk yang lazimnya boleh menjadi cabaran dalam sesi pengajian:

“Surau tu bagai saya tempat yang perfect. Sebab dia terbuka dan terkena angin. Ditambah pula ada pemandangan dia, bukit-bukit dan nampak hutan. Bagi saya, suasananya mendamaikan. Jadi keadaan surau tu menyebabkan kita jadi mudah nak belajar dan tak cepat mengantuk.” (R9, Temubual 27 Januari 2022).

Terdapat juga informan yang membezakan keadaan surau di institusi tahanan lain yang dinyatakan tidak selesa kerana berada dalam keadaan tertutup. Informan turut menyatakan suasana surau di PKPA sebagai suatu persekitaran pengajian yang bukan sahaja selesa tetapi juga memberikan rasa kebebasan berfikir dan ketenangan emosi walaupun berada dalam tahanan. Keadaan surau yang terbuka, terletak di atas bukit dan mempunyai pemandangan indah digambarkan sebagai tenang, nyaman dan menyenangkan hati. Informan menegaskan bahawa suasana ini memudahkan proses pembelajaran kerana ketenangan persekitaran membantu dirinya untuk fokus dalam menerima ilmu. Malah pengalaman ini disifatkan suatu peluang yang tidak pernah dihargai sewaktu berada di luar tahanan:

“Surau ni tenang. Pemandangan dia terbuka dan tak tertutup macam kat penjara lain yang tertutup kan. Kat sini macam tenang, senang masuk lah kalau saya belajar. Selesa dan puas hati lah ustaz. Saya boleh bagi A lah keadaan dia Ustaz sebab dengan pemandangan yang di atas bukit. Memang hati kita orang pun macam ada kat luar penjara. Kami masa bebas dulu pun tak ada tengok benda cantik-cantik macam ni kan. Jadi bila di surau ni saya senang faham sebab selesa dan nyaman.” (R4, Temubual 25 Januari 2022).

Seterusnya adalah kemudahan kelengkapan peralatan di tempat pengajian. Berdasarkan temu bual dengan tahanan remaja didapati kemudahan yang disediakan di tempat pengajian adalah mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan tahanan remaja. Ini seperti kenyataan oleh informan yang menjelaskan ketersediaan bahan rujukan utama seperti al-Quran dan Iqra' dalam kuantiti yang banyak yang membolehkan setiap tahanan remaja menggunakannya tanpa perlu berkongsi. Selain itu, kemudahan lain seperti sejadah dan tasbih turut disediakan bagi menyokong pelaksanaan ibadah manakala buku panduan solat disediakan bagi membantu pembelajaran teori dan amali.

“Di surau ni kelengkapan cukup Ustaz untuk semua orang sebab ada banyak al-Quran, Iqra' pun banyak. Selain tu ada sejadah, tasbih semua lengkap lah di sini. Kalau belajar pasal solat, ada buku tentang solat” (R9, Temubual 27 Januari 2022).

Malahan terdapat informan yang menyatakan bahawa terdapat penambahbaikan dalam kemudahan peralatan untuk pembelajaran. Informan menjelaskan terdapat perubahan kemudahan yang berada di tempat pengajian ketika ini berbanding sebelum ini. Sebelum ini tempat pengajian hanya dilengkapi dengan kemudahan asas seperti karpet, kipas dan papan putih. Malahan papan putih tersebut digunakan untuk tujuan pengurusan tahanan remaja dan bukannya untuk program keagamaan. Namun kini kemudahan peralatan pembelajaran adalah lebih lengkap dengan disediakan pembesar suara, lcd dan mikrofon:

“Surau ni ok lah. Ada karpet, ada kipas. Dulu tak ada speaker tu. Tapi sekarang dah ada speaker, projector, white board. Dulu masa saya baru-baru masuk yang ada cuma white board je. Itu pun white board untuk kira-kira banduan ada berapa orang. Sekarang ni dah ada projector, speaker, mic. Macam-macam dah ada lah sekarang.” (R5, Temubual 25 Januari 2022).

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penerimaan tahanan remaja terhadap program keagamaan di PKPA dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu rakan sebaya, guru agama dan persekitaran tempat pengajian. Namun kajian mendapati pengaruh tersebut tidak berlaku secara terasing tetapi saling mempengaruhi antara satu sama lain. Pengaruh rakan, misalnya, bukan hanya berfungsi sebagai dorongan sosial ke arah kebaikan, tetapi turut membentuk perasaan persaingan sihat dan motivasi dalaman. Walau bagaimanapun, penerimaan ini berpotensi bersifat sementara jika tidak disertai kesedaran dalaman yang stabil kerana masih bergantung kepada pada tekanan norma sosial kelompok tahanan yang mungkin berubah selepas dibebaskan. Selain itu, peranan guru agama dilihat dominan dalam membentuk persepsi positif tahanan remaja terhadap agama melalui pendekatan mesra, berhemah dan menghormati maruah mereka. Pendekatan ini terbukti penting khususnya bagi remaja yang sebelum ini terdedah kepada kaedah hukuman keras dalam keluarga. Namun, bergantung sepenuhnya kepada keperibadian guru berisiko menimbulkan kebergantungan jika tiada usaha sistematik untuk membina ketahanan rohani jangka panjang dalam diri tahanan.

Dari sudut infrastruktur, suasana pembelajaran yang selesa dan mendamaikan di surau ternyata meningkatkan fokus dan minat belajar agama. Walaupun menggunakan surau sebagai tempat pengajian dan bukannya kelas yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan namun tahanan remaja menyatakan keselesaan mereka dalam pengajian. Secara keseluruhan, walaupun program keagamaan di PKPA dilihat berjaya meningkatkan amalan dan penerimaan agama tahanan remaja mekanisme pengaruh yang dikenal pasti masih banyak bergantung kepada faktor luaran. Oleh itu usaha perlu diperkukuh dengan intervensi berasaskan perubahan sendiri, pengetahuan agama yang kukuh dan kesinambungan sokongan selepas dibebaskan agar kesan positif ini dapat dikekalkan dalam realiti kehidupan sebenar di luar institusi.

Acknowledgment

The author would like to thank to Ministry of Higher Education (MOHE), Malaysia for its Bumiputera Academic Training Scheme Scholarship (Biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera).

Conflict of Interest Statement

The authors declare that there are no conflicts of interest regarding the publication of this article. All contributions were made objectively without any personal, financial, or institutional influence that could compromise the integrity of the work.

Ethics Statement

This study was conducted in accordance with ethical principles and academic integrity. All procedures were carried out responsibly, with informed consent obtained from participants (when applicable) and strict confidentiality maintained.

Rujukan

- Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat Kawangit, Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md.Sham, Badlihisam Mohd.Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari & Siti Rugayah Tibek. 2012. Da'wah in the west: an analysis of the role of the Islamic foundation (if) in promoting the true image of Islam. *Advances in Natural and Applied Sciences* 6 4(3): 541–544.
- al-Qassab, A. & Saif, F. 2024. *Juvenile center creative writing program 'atrab' bt - digital governance & security*. Switzerland: Springer Nature.
- Audi, Robert. 2008. Belief, faith, and acceptance. *International Journal for Philosophy of Religion* 63(3): 87–102.
- Aydin, Hayati. 2011. Comprehending peace in religious propagation in Islam. *Global Journal Al-Thaqafah* 1: 37–42.
- Burgess, R. G. 2006. *In the Field: An Introduction to Field Research*. London: Routledge.
- Chien, J, Coker, K.L, Parke, S, Tejani, N, Sirken, R.A, Sanchez-Jaquez, C, Rausch, F & Azeem M.W. 2016. Predictors of competency to stand trial in Connecticut's inpatient juvenile competency restoration program. *The Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law* 44(4): 451–56.
- Creswell, J. W. 2007. *Qualitative Inquiry & Research Design Choosing Among Five Approaches* (Ed. ke-2). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Deville, G.J, Sorbello, Eccleston, L & Ward, T. 2005. Prison-based peer-education schemes. *Aggression and Violent Behavior* 10(2): 219–240.
- Edward, R & Holland, J. 2013. *What is Qualitative Interviewing?*. London: Bloomsbury.
- Fite, P.J, Díaz, K.I & Baca S.A. 2023. Peer victimization and risk for specific charges among detained youth. *Child and Youth Care Forum* 52(5): 985–95.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Edisi ke-2)*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.

- Grayson, M. 1950. The concept of “acceptance” in physical rehabilitation. *Military Medicine* 107(3): 221–226.
- Green, J. & Thorogood, N. 2004. *Qualitative Methods for Health Research*. London: Sage Publications.
- Gxubane, T. 2006. An insight into recidivism among male awaiting-trial youth offenders and the implications for practice. *Social Work* 42(3): 307–26.
- Huang, Y., Wu, R., Wu J, Yang, Q., Zheng, S. & Wu, K. 2020. Psychological resilience, self-acceptance, perceived social support and their associations with mental health of incarcerated offenders in China. *Asian Journal of Psychiatry* 52: 102166.
- Hussein, A. 2024. Empowering change: a review of educational leadership dynamics in juvenile detention centers. *Journal of Management and Engineering Integration* 17(2): 117–25.
- Jerry, F & Barahona-Lopez, K. 2019. I am in a constant struggle:’ the challenges of providing instruction to incarcerated youth in Southern California. *International Journal of Educational Development* 76: 102192.
- Litz, D., Hourani, R.D. & Scott, S. 2020. Leadership challenges in an educational program at a UAE juvenile detention center: a contextual analysis. *International Journal of Educational Development* 76: 102193.
- Mallett, C.A. & Boitel, C. 2016. From juvenile offender institutions to residential treatment centers: evidence of the shifting paradigm to improved youth and community outcomes. *Journal of Evidence-Informed Social Work* 13(2): 155–164.
- Mariam Abd Majid, Aisyah Humairak Abdul Rahman, Sahlawati Abu Bakar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mohd Izwan Mahmud, Mariani Abd Majid, Khairani Kaharuddin & Hafizatul Akmal Abdul Rahman. 2025. Trainees’ interest and involvement tendency in the implementation of programmes at the juvenile moral rehabilitation centre in Selangor. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 14(2): 1014–30.
- Melati Sumari, Dini Farhana Baharudin, Fatahyah Yahya & Mohd Radhi Abu Shahim. 2022. Family intervention in the treatment of female juvenile delinquency: a qualitative study in the collectivist society of Malaysia. *The Family Journal* 31(3): 1-17. <https://doi.org/10.1177/10664807221132806>
- Merriam, S. B. 2009. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. California: Jessey-Bass.
- Michael, J.H & Campbell, J.S. 2005. Contrasting juvenile and program-level impacts on diversion service provision: a hierarchical linear analysis. *Youth Violence and Juvenile Justice* 3(1): 41–58.
- Mishler, E. G. 1986. *Research Interviewing: Context and Narrative*. Cambridge: Harvard University Press.
- Mohammad Azizol Aziz & Mohamad Saifudin Mohamad Saleh. 2019. Tinjauan tentang pengetahuan, penerimaan dan kekangan pelancong terhadap perkhidmatan hotel patuh syariah di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo* 7(1): 1–14.

- Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Saleh & Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2019. Penerapan elemen kerohanian terhadap remaja berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal of Research in Islamic Studies* 6: 87–98.
- Othman Lebar. 2017. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode* (Ed. ke-2). Tanjung Malim: Universiti Pengajian Sultan Idris.
- Patton, M. Q. 2015. *Qualitative Research & Evaluation Methods* (Edisi ke-4). Los Angeles: Sage Publication.
- Quinn, C.R., Boyd, D.T., Menon, S.E., Mitchell, M., Radney, A., Coker, E.J., Lloyd Allen, J., Simmons-Horton, S., Hughley, A, DiClemente, R.J. & Voisin, D.R. 2023. Exploring substance misuse behaviors among black girls in detention: intersections of trauma, sex, and age. *Addictive Behaviors* 143: 107693.
- Rassouli, M., Zamanzadeh, V., Ghahramanian, A., Abbaszadeh, A., Alavi-Majd, H. & Nikanfar, A. 2015. Experiences of patients with cancer and their nurses on the conditions of spiritual care and spiritual interventions in oncology units. *Iranian Journal of Nursing and Midwifery Research* 20(1): 25–33.
- Sanders, J., Munford, R., Liebenberg, L. & Ungar, M. 2017. Peer paradox: The tensions that peer relationships raise for vulnerable youth. *Child and Family Social Work* 22(1): 3–14.
- Sheppard, K. G., Hernandez, J.L., Butts, J., Mendonca, O. & Orange, J.C. 2023. Working upstream: A statewide analysis of individual and contextual risk factors for future juvenile justice involvement among youth receiving prevention services. *Criminology and Public Policy* 23(2): 227–260.
- Sherine F. H. 2009. Islam, fatalism, and medical intervention: lessons from Egypt on the cultivation of forbearance (sabr) and reliance on God (tawakkul). *Anthropological Quarterly* 82(1): 173–96.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, 'Adawiyah Ismail, Abu Dardaa Mohamad, Labiba Ahmad, Nor Raudah Siren, Juwairiah Hassan & Khairul Hamimah Mohamad Jodi. 2020. Perkembangan dan penerimaan pendekatan keagamaan dalam pemulihan banduan di penjara Malaysia. *Al-Hikmah* 12(2): 53–74.
- Tanner, E., Slaven-Ruffing, S., Varjas, K., Houchins, D. E., Roach, A., & Reed, D. K. 2025. Juvenile correctional administrators and teachers perspectives on the implementation of read 180®. *Residential Treatment For Children & Youth* 1–23.
- Vanhooren, S., Leijssen, M., & Dezutter, J. 2018. Coping strategies and posttraumatic growth in prison. *Prison Journal* 98(2): 123–142.
- Vujovic, T. 2024. Re-examining the association between parental monitoring, parental rearing behaviors, and family risk factors in influencing juvenile delinquency among boys and girls. *Families in Society* 105(2): 324–333.
- Willingham, M. L. 2024. Successful outcomes in juvenile justice: overcoming community based and correctional challenges. *Juvenile and Family Court Journal* 75(1): 21–31.
- Yin, R. K. 2016. *Qualitative research from start to finish* (2nd Ed). New York: Guilford Press.

Zeng, S.Y., Wu, R., Truong, K.N. & Chevalier, F. Evaluating the gradual delivery of knowledge-focused and mindset-focused messages for facilitating the acceptance of COPD. *Proceedings of the ACM on Interactive, Mobile, Wearable and Ubiquitous Technologies* 4(4): 2025.